

# Lembaga Minyak Sawit Malaysia

## MALAYSIAN PALM OIL BOARD (MPOB)

Bil. Tuan / Your Ref. (1)04/C/656/2 Jil.3 /2014

Bil. Kami / Our Ref.:

16 Mei 2014

HARI BERTEMU PELANGGAN  
SETIAP JUMAAT MINGGU KE-3 SETIAP BULAN  
Tempat: Flugbeli 4, Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan  
Wisma Sawit, MPOB, Kelana Jaya  
Masa: 9.00 pagi - 12.00 tgħ. &  
3.00 pmq. - 4.00 pmq.

**Pk (EL) MPOB 01/2014**

Semua Pemegang Lesen Kategori Kilang Kelapa Sawit, Kilang Isirong Kelapa Sawit, Kilang Penapis, Pusat Simpanan, Peniaga Minyak, Syarikat Pengangkutan

Tuan,

### **PENGUATKUASAAN PENGGUNAAN E-MPOB L3 SECARA ELEKTRONIK DALAM SISTEM PEMANTAUAN SAWIT**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pindaan Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) (Pindaan) 2011 telah mula berkuatkuasa pada 3 Mac 2011. Melalui pindaan ini, sebarang pengalihan minyak sawit perlu memiliki lesen MPOB. Oleh itu syarikat pengangkutan atau individu yang terlibat dengan pengalihan minyak sawit diwajibkan memiliki lesen MPOB dan dikenakan syarat-syarat tertentu. Antaranya ialah pemegang lesen hendaklah memastikan setiap kenderaan yang digunakan untuk mengalih minyak sawit dilengkapkan dengan Sistem Penentu Kedudukan Global (GPS) yang mematuhi standard yang ditentukan oleh MPOB.

3. Selain itu, menurut Peraturan 37, Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) (Pindaan) 2011, pemegang lesen atau konsainor atau pemegang lesen yang menerima konsainan itu bagi pihak pemegang lesen hendaklah mengemukakan Borang MPOB L3 yang mengandungi maklumat yang lengkap, benar dan tepat kepada MPOB bagi setiap konsainan yang dialih atau diterima. Borang MPOB L3 hendaklah dilengkapkan dan dihantar kepada MPOB secara elektronik melalui Sistem Pemantauan Sawit (SPS).

3

1

Jabatan Pendaftaran dan Pelesenan  
Wisma Sawit


Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Postkod 60703, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.  
Telefon: 603-78036544 • Faks: 603-78034014 • 78061486 • <http://www.mpob.gov.my>  
KEMENTERIAN PERUSAHAAN, PERLADANGAN DAN KOMODITI, MALAYSIA

4. Sehubungan itu, pihak tuan hendaklah menggunakan Sistem Pemantauan Sawit (SPS) bagi menjana dan mengemukakan borang MPOB L3 secara elektronik. Pihak tuan boleh melayari <http://sps.mpopb.gov.my> untuk tujuan tersebut. **Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 1 Jun 2014.**
5. Kegagalan mematuhi peraturan ini adalah merupakan satu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) (Pindaan) 2011.

Sekian, terima kasih.

"MESRA, ADIL, TEGAS DAN AMANAH"

Yang benar,



DATUK DR CHOO YUEN MAY  
Ketua Pengarah  
MPOB

- sk - Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan  
- Pengarah Pelesenan dan Penguatkuasaan  
- Ketua-ketua Unit, Wilayah dan Cawangan  
- PORAM  
- EMPA  
- MEOMA  
- SAPPOA  
- MEOA  
- POMA  
- MPOA



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA  
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN  
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PELESENAN) MPOB**

Rujukan Pekeliling :Pk (EL) MPOB 01/2014

Tarikh Kuatkuasa :01 JUN 2014

Perkara :**PENGUATKUASAAN PENGGUNAAN E-MPOB L3 SECARA ELEKTRONIK DALAM SISTEM PEMANTAUAN SAWIT (SPS)**

## 1.0 TUJUAN

Untuk memaklumkan penguatkuasaan penggunaan e-MPOB L3 secara elektronik dalam Sistem Pemantauan Sawit ke atas pemegang lesen kategori Kilang Kelapa Sawit, Kilang Isirong Kelapa Sawit, Kilang Penapis, Pusat Simpanan, Peniaga Minyak dan Syarikat Pengangkutan.

## 2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pindaan Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) (Pindaan) 2011 telah mula berkuatkuasa pada 3 Mac 2011. Melalui pindaan ini, sebarang pengalihan minyak sawit perlu memiliki lesen MPOB. Oleh itu syarikat pengangkutan atau individu yang terlibat dengan pengalihan minyak sawit diwajibkan memiliki lesen MPOB dan dikenakan syarat-syarat tertentu. Antaranya ialah pemegang lesen hendaklah memastikan setiap kenderaan yang digunakan untuk mengalih minyak sawit dilengkapkan dengan Sistem Penentu Kedudukan Global (GPS) yang mematuhi standard yang ditentukan oleh MPOB.
- 2.2 Selain itu menurut Peraturan 37, Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) (Pindaan) 2011, pemegang lesen atau konsainor atau pemegang lesen yang menerima konsainan itu bagi pihak pemegang lesen hendaklah mengemukakan Borang MPOB L3 yang mengandungi maklumat yang lengkap, benar dan tepat kepada MPOB bagi setiap konsainan yang dialih atau diterima. Borang MPOB L3 yang lengkap hendaklah dihantar kepada MPOB secara elektronik iaitu melalui Sistem Pemantauan Sawit (SPS).
- 2.3 Bagi memberi penjelasan kepada pihak industri berkenaan penggunaan e-MPOB secara elektronik dalam Sistem Pemantauan Sawit, sebanyak enam (6) siri taklimat telah diadakan di setiap wilayah bermula dari 17 Februari 2014 hingga 11 Mac 2014 melibatkan pemegang-pemegang lesen yang terlibat dengan pengalihan minyak sawit. Taklimat telah diadakan di Ibu Pejabat MPOB Bangi, Johor Bahru, Ipoh, Kuantan, Sandakan dan Sibu.

**JABATAN PENDAFTARAN DAN PELESENAN  
WISMA SAWIT**

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.  
Telefon: 603-78035544 . Faks:603-78034014 603-78061485 . <http://www.mpob.gov.my>

 <b>MPOB</b>	<b>LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA</b> <b>BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN</b> <b>PEKELILING PENGUATKUASAAN (PELESENAN) MPOB</b>
--	---

- 2.4 Penggunaan e-MPOB secara elektronik dalam Sistem Pemantauan Sawit telah dimulakan pada 1 April 2014 bagi menguji sistem dan mengenalpasti masalah-masalah yang timbul dalam pelaksanaan. Kelemahan yang ada diperbaiki bagi membolehkan sistem berjalan dengan lancar apabila dikuatkuasakan.


### 3.0 PEMAKAIAN

Pekeling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 01/2014 [Pk (EL) MPOB 01/2014] adalah terpakai kepada pemegang lesen yang mengalih minyak sawit termasuk pemegang lesen kategori Kilang Kelapa Sawit, Kilang Isirong Kelapa Sawit, Kilang Penapis, Pusat Simpanan, Peniaga Minyak dan Syarikat Pengangkutan .

### 6.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeling penguatkuasaan ini berkuatkuasa mulai **1 Jun 2014**.

### 7.0 PENGESAHAN & KELULUSAN

  
**DATUK DR CHOO YUEN MAY**  
 Ketua Pengarah  
 MPOB

Tarikh: **16/05/2014**

#### JABATAN PENDAFTARAN DAN PELESENAN WISMA SAWIT

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.  
Telefon: 603-78035544 . Faks: 603-78034014 603-78061485 . <http://www.mpopb.gov.my>